

U B544 AAB
MAHATHIR - PEDAGANG (EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 2200
MALAM INI)

KUALA LUMPUR, 11 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA PARA PEDAGANG MALAYSIA SUPAYA MENGEKSPORT BARANGAN MEREKA TERUS KE NEGARA-NEGARA ASING UNTUK MENAMBAHKAN KEUNTUNGAN NEGARA DAN MEMPEROLEHI PASARAN DAN URUSAN-URUSAN LAIN EKSPORT.

INI JUGA AKAN DAPAT MENINGKATKAN LAGI PENGGUNAAN PERKHIDMATAN INSURANS, PERUNDINGAN DAN SISTEM PENGANGKUTAN SEPERTI PERKAPALAN NEGARA INI, KATANYA PADA MAJLIS JAMUAN MALAM TAHUNAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN KEBANGSAAN MALAYSIA (NCCIM) DI SINI MALAM INI.

PERDANA MENTERI MENDAPATI NEGARA MASIH LAGI MENGEKSPORT BARANGAN MELALUI NEGARA KETIGA TERUTAMA NEGARA JIRAN. SEBAGAI CONTOH EKSPORT NEGARA KE SINGAPURA MASIH LAGI MERUPAKAN YANG KEDUA TERBANYAK DI KALANGAN RAKAN-RAKAN PERDAGANGAN MALAYSIA.

+SEPERTI YANG KITA SEMUA MAKLUM KEBANYAKAN BARANGAN YANG DIEKSPORT KE NEGARA ITU AKAN DIEKSPORT SEMULA KE NEGARA-NEGARA LAIN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU MENYEDARI BAHAWA KEADAAN HARI INI MENUNJUKKAN KEDUDUKAN YANG LEBIH BAIK DARIPADA TAHUN-TAHUN SEBELUMNYA TETAPI IA MASIH LAGI TIDAK MEMUASKAN. -- LAGI
1839MST 11 03 87

U B545 AAB
MAHATHIR - PEDAGANG 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+MENJADI TUGAS PARA PEDAGANG KITA UNTUK MENGEKSPORT TERUS KE NEGARA-NEGARA ASING SUPAYA BUKAN SAHAJA KEUNTUNGAN NEGARA AKAN BERTAMBAH TETAPI KITA JUGA AKAN MEMPEROLEHI PASARAN DAN URUSAN-URUSAN LAIN EKSPORT,+ TEGASNYA.

MENGENAI BARANGAN KOMODITI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA HARGA-HARGA YANG MENINGKAT BAGI BARANGAN ITU BARU-BARU INI SEHARUSNYA DAPAT MEMBANTU USAHA MEMULIHKAN EKONOMI NEGARA.

MENURUTNYA, EKONOMI NEGARA MENCAPI PERTUMBUHAN POSITIF TAHUN LEPAS, WALAUPUN HANYA SETENGAH PERATUS KELUARAN NEGARA KASAR - SATU PETANDA BAIK KALAU DIBANDINGKAN DENGAN PERTUMBUHAN NEGATIF PADA TAHUN 1985.

+APA YANG KITA HARAPKAN IALAH SUPAYA HARGA BARANGAN KOMODITI INI AKAN TERUS STABIL DAN MENCAPI PARAS HARGA YANG MEMUASKAN,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PEDAGANG TIDAK HARUS LUPA BAHAWA BUKAN HARGA YANG TINGGI YANG PENTING TETAPI KURANGNYA KOS PENGELUARAN DARIPADA HARGA JUALAN DAN UNTUK ITU USAHA BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DENGAN MENURUNKAN KOS MESTI DIUTAMAKAN. -- LAGI
1841MST 11 03 87

U B561 AAB
MAHATHIR - PEDAGANG 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MEMANDANGKAN BARANGAN KOMODITI SEMAKIN LAMA SEMAKIN BERKURANGAN PENGARUHNYA DALAM PENGELUARAN BARANGAN PERINDUSTRIAN, PERDANA MENTERI BERKATA SALAH SATU STRATEGI PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA DALAM JANGKA PANJANG IALAH MEMAJUKAN SEKTOR PERKILANGAN DAN PERINDUSTRIAN TERUTAMA UNTUK BARANGAN EKSPORT.

+SEBAB ITULAH KERAJAAN BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH BAGI MENGADAKAN BEBERAPA GALAKAN UNTUK PARA PENGUSAHA MENCEBURI SEKTOR PEMBUATAN, TERUTAMA BAGI BARANG-BARANG YANG BOLEH KITA EKSPORT BAGI MENINGKATKAN LAGI ALIRAN TUKARAN ASING KE NEGARA INI,+ JELASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP DENGAN PENURUNAN KADAR FAEDAH PINJAMAN BARU-BARU INI PELABURAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN AKAN MENINGKAT DENGAN PESAT OLEH KERANA KOS PELABURAN BERKURANGAN.

+SAYA JUGA BERHARAP DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN KEBANGSAAN DAN DEWAN-DEWAN GABUNGAN HARUSLAH MEMBERI GALAKAN KEPADA AHLINYA MENINGKATKAN PELABURAN MASING-MASING DALAM SEKTOR INI,+ TAMBAHNYA.

MENURUT PERDANA MENTERI, NEGARA MEMPUNYAI POTENSI YANG BESAR BAGI SEKTOR PERKILANGAN INI DIPERKEMBANGKAN, ANTARANYA, DALAM BIDANG PENGELUARAN KOMPONEN KERETA PROTON SAGA, BARANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK DAN BARANGAN MAKANAN. -- LAGI
1921MST 11 03 87

U B567 AAB
MAHATHIR - PEDAGANG 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PARA PELABUR TEMPATAN, TEGASNYA, MESTILAH YAKIN BAHAWA MEREKA BOLEH MENGGUNAKAN POTENSI INI BAGI MEMASTIKAN PERATUSAN BARANG PERKILANGAN INI SEMAKIN MENINGKAT SUPAYA IA MENJADI ASAS EKONOMI PADA MASA DEPAN DAN DAPAT MENGURANGKAN KADAR PENGGANGURAN YANG DIALAMI NEGARA PADA MASA INI.

MENURUT PERDANA MENTERI, NEGARA MENGEKSPORT KIRA-KIRA \$13,600 JUTA BARANGAN PERKILANGAN TAHUN LEPAS DAN JUMLAH INI DIJANGKA MENINGKAT KEPADA KIRA-KIRA \$15,200 JUTA TAHUN INI. -- BERNAMA
1939MST 11 03 87